

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 22.3.2016 (SELASA)

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan jumlah dan lokasi Kedai Rakyat 1Malaysia yang telah beroperasi, dalam perancangan, dan tidak mendapat sambutan dari tahun 2011 hingga 2016.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga kini, sebanyak 185 buah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) telah dibuka di seluruh negara iaitu sebanyak 130 di Semenanjung, 21 di Sabah, 33 di Sarawak dan satu (1) di Labuan. Daripada jumlah tersebut terdapat tiga (3) buah KR1M yang telah dipindah ke lokasi lain kerana kadar sewa yang tidak berpatutan dan penamatan kontrak dengan penyewa premis.

Pelaksanaan KR1M telah berjaya membantu mengurangkan perbelanjaan harian pengguna. Sambutan yang diterima juga amat menggalakkan. Ini berdasarkan prestasi jualan KR1M yang terus meningkat dari tahun ke tahun. Jualan KR1M telah meningkat dari RM12.3 juta pada 2011 kepada RM298.8 juta pada tahun 2014. Kementerian percaya dengan sokongan semua pihak termasuk pengguna nilai jualan KR1M akan dapat ditingkatkan dari masa ke semasa.

Kementerian sentiasa mengenal pasti lokasi yang sesuai dari masa ke masa untuk dipertimbangkan bagi tujuan pembukaan KR1M. Pemilihan lokasi KR1M di sesebuah kawasan Parlimen tersebut adalah bergantung kepada kesesuaian lokasi cadangan dari aspek kepadatan penduduk, saiz dan potensi terhadap perniagaan.